



Issue 2/08

# BULETIN ZINTEK GSSJ

## Editorial Board

### Patron

Prof Madya Mohd Zaki

Abdullah

### Advisor

Mohd Noor Mohd Ali

### Editor

Nur Maizatul Azra Mukhtar

Ahmad Nazib Alias

Siti Nur Sarah Ridhuwan

Nurain Isa

Khaironnisah Abd Samad


Nurwahida Muhamad

Pengiran



Copyright © The McGraw-Hill Companies, Inc. Permission required for reproduction or display.

Menarik di dalam... ..



## HARI KELUARGA JSG

26 Julai 2008 - Satu temasya sempena Hari Keluarga JSG telah diadakan di Bukit Hijau Kedah. Temasya ini adalah kali kedua diadakan setelah JSG berdiri dengan empayarnya sendiri kira-kira 3 tahun yang lalu.

Seramai 21 orang AJK yang terlibat termasuk dengan pengerusi dan lain-lain telah bersama-sama berusaha bagi menjayakan program ini yang asalnya mahu diadakan di Kuala Nerang Kedah.

Selain daripada kakitangan JSG, program ini turut dihadiri oleh ahli keluarga masing-masing. Secara keseluruhannya bilangan peserta yang terlibat dalam program ini adalah seramai 70 orang termasuk kanak-kanak.

Program yang bermula seawal 7.30 pagi ini dengan berkumpul di Pusat Islam, UiTMPP dipenuhi dengan pelbagai aktiviti menarik terutama sekali untuk kanak-kanak. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti anakk comel, buzz ballon, tarik tali kanak-kanak, musical ball, mewarna dan yang paling menarik sekali terdapat acara bebas (mandi manda) di jeram Bukit Hijau.

Secara keseluruhannya, program ini dapat mencapai objektif asalnya iaitu untuk mengeratkan silaturahim antara kakitangan JSG dan juga ahli keluarga masing-masing. Diharap objektif untuk menjadikan aktiviti ini sebagai aktiviti tahunan JSG dapat dicapai dan diadakan lagi pada tahun-tahun akan datang kerana ia dapat dijadikan sebagai satu platform kepada kakitangan JSG untuk mengurangkan tekanan kakitangan dan melepaskan penat lelah bekerja. Malah, program seumpama ini dapat memberi peluang kakitangan beristirahat bersama keluarga serta dapat menjalankan tugas dengan lebih cemerlang, efisien & produktif di masa akan datang.



Oleh: Norain Isa

Unit Kimia Jabatan Sains Gunaan, UiTM Pulau Pinang telah menganjurkan bengkel Penyelarasan dan Penetapan Skop Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Kimia pada 27 Jun (Jumaat) dan 30 Jun (Isnin) 2008.


Bengkel yang berlangsung selama 2 hari yang bertempat di bilik mesyuarat JSG/JTMSK ini adalah bertujuan untuk menyediakan huraian lengkap serta menetapkan skop sub topik bagi setiap bab dalam silibus kursus kimia. Di samping itu, membuat penetapan istilah-istilah saintifik khusus yang boleh digunapakai semasa pengajaran dan penyediaan kertas soalan peperiksaan akhir.

Matlamat utama bengkel ini diadakan adalah untuk menyediakan Garis Panduan Lengkap untuk Skop Pengajaran (GPLSP-CHM) bagi setiap tajuk di dalam kursus kimia berpandukan silibus dan 'course outline'.

Seramai 12 orang peserta yang terdiri daripada semua pensyarah kimia JSG terlibat dalam menjayakan bengkel yang bermula dari 8.30 pagi sehingga pukul 5.00 petang ini. Tahniah diucapkan kepada unit kimia kerana mengambil langkah proaktif dalam menyediakan satu garis panduan lengkap mengenai penetapan skop pengajaran dan pembelajaran yang di selaraskan dan diperincikan.



**Sekalung TAHNIAH**  
buat **En Mohd Noor Mohd Ali** di atas perlantikan beliau sebagai Koordinator baru JSG, menggantikan **En Abd Halim Abd Hamid** yang telah tamat tempoh perkhidmatannya sebagai Koordinator JSG. Perlantikan baru tersebut telah mula berkuatkuasa pada bulan Mei 2008 yang lalu. Kepada **En Abd Halim**, taburan jasa & sumbanganmu yang tidak terucap serta keringat yang minitis sewaktu memimpin JSG tetap dikenang & dihargai oleh kami warga JSG. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan . Semoga JSG lebih gah di bawah pentadbiran Koordinator yang baru ini & marilah kita warga JSG bersama-sama menyumbang tenaga mengharumkan nama JSG dan UiTMPP ke mercu teratas.





## Jamuan Penghargaan

Oleh: Norain Isa

9 Julai 2008 - Jabatan Sains Gunaan, JSG telah mengadakan jamuan di hotel UiTM Pulau Pinang sebagai tanda penghargaan yang tidak terhingga kepada tiga orang staf JSG iaitu En. Fairus Muhamad Darus (selaku Timbalan Pengarah HEP/ pensyarah kimia) yang melanjutkan pelajaran ke peringkat Doktor Falsafah di UiTM Shah Alam, Cik Siti Nur Sarah Ridhuan (pensyarah fizik) yang telah menamatkan perkhidmatan di UiTM Pulau Pinang serta Puan Khaironniswah Abdul Samad (pembantu makmal fizik) yang kini berkhidmat untuk Fakulti Farmasi.

Majlis jamuan yang dihadiri oleh semua staf JSG telah dipengerusikan oleh Puan Rohana Atan dimulakan dengan kata-kata aluan daripada Koordinator JSG, En. Mohd Noor Ali dan diikuti dengan ucapan ringkas daripada En. Fairus, Cik Siti Nur Sarah dan Puan Khaironniswah. Cenderahati daripada JSG juga turut diberikan kepada mereka.

Semua staf JSG mendoakan semoga mereka berjaya dalam pelajaran dan bidang yang bakal diceburi. JSG juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada mereka di atas sumbangan yang diberikan sepanjang perkhidmatan mereka di UiTM pulau Pinang khususnya di Jabatan Sains Gunaan, UiTMPP



**AKTIVITI-AKTIVITI JSG DI SEPANJANG CUTI SEMESTER JUN –JULAI 08****16 , 17 dan 18 JUN 2008****Tajuk: Bengkel 'Outcome Based Education' (OBE)**

Objektif: Mendedahkan OBE sebagai keperluan jaminan kualiti pendidikan tinggi, menyemak PEO dan PO serta menghasilkan dokumen-dokumen semakan semula kurikulum.

Peserta: Semua Pensyarah JSG

**27 dan 30 JUN 2008****Tajuk: Bengkel Penyelarasan dan Penetapan Skop Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Kimia**

Objektif: Menyediakan Garis Panduan Lengkap untuk Skop Pengajaran (GPLSP-CHM) bagi setiap tajuk didalam kursus kimia berbandukan silibus dan 'course outline'.

Peserta: Semua pensyarah kimia, JSG

**1 dan 2 JULAI 2008****Tajuk: Bengkel Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan Akhir (KSPA)**

Objektif: Menyediakan kertas soalan peperiksaan akhir menggunakan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU).

Peserta: Semua pensyarah JSG

**2 JULAI 2008****Tajuk: Bengkel Pengenalan Bahaya (Hazard) serta Penyakit-Penyakit Khidmat dan Pengendalian Kecederaan di Tempat Kerja.**

Objektif: Mengenalpasti jenis bahaya, cara mengendalikan bahan kimia berbahaya, kaedah mengurangkan risiko kemalangan serta mempelajari kaedah asas pertolongan cemas.

Peserta: 60 orang peserta yang terdiri daripada juruteknik dan pembantu makmal.

**3 JULAI 2008****Tajuk: Bengkel Penjajaran dan Pempiawaan ke Arah Zero Defect (SOP)**

Objektif: Mewujudkan penjajaran terhadap segala aktiviti yang dilaksanakan supaya mengikut prosedur yang betul serta diselaraskan dengan misi, visi UiTM Pulau Pinang dan JSG.

Peserta: Semua staf JSG



## Bengkel 'Outcome Based Education' (OBE)

Oleh: Norain Isa

Jabatan Sains Gunaan (JSG), UiTM Pulau Pinang telah menganjurkan bengkel 'Outcome Based Education' (OBE) pada 16 hingga 18 Jun 2008 yang berlangsung di Bilik Seminar 1, Kompleks Perdana, UiTM Pulau Pinang.

Bengkel ini dipengerusikan oleh Cik Zubainun bt. Mohamed Zabidi ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah HEA, Dr. Abdullah Hemdi. Dr. Jaafar Jantan daripada Fakulti Sains Gunaan, Shah Alam telah dijemput untuk memberikan ceramah dan membimbing dalam melaksanakan OBE.

Seramai 27 orang peserta terlibat dengan bengkel ini, iaitu terdiri daripada pensyarah fizik dan kimia JSG. Bengkel yang berlangsung selama tiga hari bertujuan mendedahkan OBE sebagai keperluan jaminan kualiti pendidikan tinggi, menyemak dan PO serta menghasilkan dokumen-dokumen semakan semula kurikulum yang berkaitan bagi kursus-kursus servicing Jabatan Sains Gunaan kepada fakulti-fakulti kejuruteraan.

Terima kasih diucapkan kepada semua pensyarah JSG kerana memberikan kerjasama yang amat baik dalam menjayakan program ini.

## Bengkel Pengenalan Bahaya (Hazard) serta Penyakit-penyakit

Oleh: Norain Isa


Unit Kimia Jabatan Sains Gunaan (JSG), UiTM Pulau Pinang telah menganjurkan bengkel Pengenalan Bahaya (Hazard) serta Penyakit-penyakit Khidmat dan Pengendalian Kecederaan di Tempat Kerja pada 2 Julai 2008 yang berlangsung di Bilik Seminar Pusat Islam dan Unit Kesihatan, UiTM Pulau Pinang.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh pengarah kampus, Prof. Madya. Mohd Zaki Abdullah. Dua orang penceramah telah dijemput iaitu Dr. Wisman Hj Abdul Hamid dan Mr. Lim Boon Tik untuk memberikan ceramah berkenaan dengan penyakit-penyakit khidmat dan pengendalian kecederaan di tempat kerja serta mengenal bahaya (hazard) di tempat kerja.

Seramai 60 peserta terlibat dalam bengkel ini iaitu terdiri daripada juruteknik, pembantu makmal (termasuk jurulatih dapur Fakulti Hotel dan Pelancongan) UiTM Pulau Pinang.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah mengenalpasti jenis bahaya, cara mengendalikan bahan kimia berbahaya, mengetahui penyakit-penyakit khidmat, kaedah mengurangkan risiko kemalangan serta mempelajari kaedah asas pertolongan cemas kepada semua peserta supaya dapat pengetahuan dan dapat bekerja dalam keadaan yang selamat.

Semoga dengan bengkel ini, para pekerja terutama juruteknik dan pembantu makmal mementingkan keselamatan dalam semua aspek pekerjaan dan dapat memberikan pertolongan cemas apabila diperlukan.



# MACAM - MACAM



Sana sini 5S



MISI AKADEMIK

SM Teknik Telok Air Tawar & Dewan Millenium Kepala Batas



Hari Keluarga

JSG



Jamuan



Bengkel SOP



## 'PROGRAM PENAJARAN DAN PEMPIAWAIAN KE ARAH ZERO DEFECT'

3 Julai 2008, Bilik Seminar 1, UiTMPP - Setiap semester semua Fakulti dan Jabatan yang mengendalikan pengajaran dan pembelajaran dengan pelajar pasti melalui pelbagai persediaan, malah, staf juga terlibat dengan pelbagai aktiviti luaran samada yang berbentuk akademik atau tidak akademik. Tugas serta peranan yang dimaanakan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti ini tidak direkodkan secara khusus. Justeru itu, sebagai salah satu usaha bagi memantapkan dan memerkemakan semua aktiviti ini, Jabatan Sains Gunung telah mengadakan program yang bukan sahaja mengenalpasti tetapi dapat memantapkan serta membuat penajajaran agar aktiviti yang dilakukan akan mengikut prosedur dapat diamalkan bersama oleh semua peringkat staf di Jabatan.

Tujuan utamanya ialah untuk mendapatkan prosedur operasi piawai untuk semua aktiviti/proses yang ada di Jabatan serta yang melibatkan Jabatan dengan Unit/Bahagian lain. Dengan ini bererti semua staf dalam Jabatan akan menerapkan atau memakaigunakan penajajaran yang telah dirangka serta dipersetujui mengenai sesuatu prosedur operasi yang telah dipiawaikan tadi. Dengan ini dapat mengurangkan banyak kesilapan dan memungkinkannya proses kerja menuju ke arah tahap 'zero error' dan 'zero defect'. Selain itu, ia turut bertujuan untuk melakukan penambahbaikan yang berterusan bagi memantapkan setiap aktiviti menjadi lebih mampan.

Penyelenggaraan yang diadakan selama sehari ini dihadiri oleh semua staf JSG di mana setiap peserta di bahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan akan membuat perbincangan dan 'brain storming' untuk menghasilkan carta alir serta prosedur kerja mengenai sesuatu perkhidmatan atau proses. Malah, prosedur kualiti juga dirujuk bagi menghasilkan prosedur kerja yang tepat serta mematu kualiti UiTMPP itu sendiri.

Hasil utama yang dapat diperolehi daripada program ini ialah dokumentasi dan bukti bagi proses-proses kerja yang dilakukan di Jabatan dan yang berkaitan dengan Unit/Bahagian lain. Ini akan membantu pihak pentadbiran kualiti dan staf untuk meningkatkan keberkesanan sejajar dengan kehendak misi, visi UiTM Pulau Pinang dan Jabatan Sains Gunung.

### dynamics

the branch of mechanics dealing with the motions of material bodies under the action of given forces

### electromotive force

The force that causes the movement of electrons through an electrical circuit.

### energy

The ability to perform work. Energy may be changed from one form to another, as from heat into light, but it normally cannot be created or destroyed.

### fluid

that can flow; not solid; able to move and change shape without separating when under pressure

TERMS SHOULD KNOW

